

RABU • 10.01.2018

kota@utusangroup.com.my

Unit Berita Kota

44, Jalan Utusan, Melalut, Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur. Facebook: @UtusanKota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

UTUSAN KOTA



LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA

REAKSI

KEBERSIHAN CERMIN KEMATANGAN



TANGGUNG JAWAB menjaga kebersihan bukan terletak kepada pihak berkuasa tempatan semata-mata, tetapi juga masyarakat untuk sama-sama memastikan kawasan persekitaran bersih dan indah.

NORSHAFINAZ SARI
Pekerja swasta



APABILA taman rekreasi turut menjadi tempat membuang sampah, ia sesuatu yang amat menyedihkan kerana lokasi tersebut diwujudkan untuk tujuan riadah dan gaya hidup sihat.

NORIZZAH BAHARUDIN
Pekerja swasta



PENGUNJUNG yang suka membuang sampah-sarap sesuka hati di taman-taman awam mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan berfikir sempit.

HASBULLAH AZHAR
Pekerja swasta



TONG sampah yang disediakan kepada pengunjung di Taman Bandaraya Bukit Serindit, Melaka, tidak dimanfaatkan sebagai mungkin oleh pengunjung. — UTUSAN/ MOHD AZHM ABD RAHMAN



LONGKANG yang dipenuhi sampah sarap sehingga menyebabkan tersumbat dan menyekat aliran air.



SAMPAH sarap berteraburan di sana-sini mengandungi rasa tidak sedera pengunjung.

Sampah sarap berteraburan di sana-sini Imej taman rekreasi tercemar

KAMI PANTAU KHRIDMAT ANDA

Oleh HARITH HIZAR
khi@utusangroup.com

■ MELAKA 9 JAN.

TAMAN Bandaraya Bukit Serindit di sini terkenal sebagai suatu kawasan untuk penduduk berhampiran melakukan aktiviti riadah.

Taman sejak akhir-akhir ini imej kawasan rekreasi itu sedikit tercalar apabila dicemari sampah sarap.

Tinjauan Utusan Malaysia di taman tersebut baru-baru ini mendapati banyak bekas makanan dan minuman berteraburan di sana-sini.

Berdasarkan pemerhatian tong sampah yang disediakan pihak pengurusan tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengunjung.

Meskipun kuantiti sampah



TIADA kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala turut didakwa menjadi punca longkang tersumbat.

tidak begitu banyak dan belum berada pada tahap kritikal namun jika masalah ini dibiar-

kan berterusan dikhuatiri sesuatu yang lebih buruk terjadi.

Tindakan segelintir pengunjung tidak bertanggungjawab itu turut menyebabkan longkang di kawasan itu tersumbat dan berbau busuk.

Penulis sendiri yang sering berkunjung ke taman tersebut untuk tujuan riadah mendapati silang segelintir pengunjung tidak bertanggungjawab menjadi punca kepada permasalahan itu.

Bukan sahaja botol air mineral, kasut milik pengunjung turut dibuang ke dalam tasik taman berkenaan.

Majoriti pengunjung sayang dan cintakan taman rekreasi berbenaran, tetapi alihbat 'nila setitik rosak susu sebelanga'.

Hanya disebabkan sikap segelintir pengunjung memeringkankan diti, dan mengabaikan aspek kebersihan menyebabkan kawasan taman rekreasi untuk kegunaan orang ramai itu tercemar.

Berdasarkan pemerhatian kegagalan pihak pengurusan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan terutama longkang turut memburukkan lagi keadaan di situ.

Dalam menangani isu kebersihan, masyarakat tidak seharusnya mengharapkan kepada pihak pengurusan kerana ia merupakan tanggungjawab bersama.

Masyarakat bukan sahaja perlu mengiktis silang-suka membuang sampah malar-malaka sama ada semasa memandu, berjalan-jalan di sekitar bandar tetapi juga ketika berkunjung ke taman-taman rekreasi.

MBMB ambil pendekatan nasihat

MELAKA 9 Jan. Keadaan di Taman Bandaraya Bukit Serindit di sini masih terkawal, malah menunjukkan pengurangan dari segi masalah sampah berteraburan berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Zainal Husin berkata, pihaknya telah mewujudkan satu Unit Taman dan Rekreasi bagi menguruskan kawasan tersebut.

"Berbanding tahun lalu, banyak pembaharuan yang telah dilakukan dan unit tersebut bertanggungjawab menguruskan taman berkenaan dengan meninjau serta memastikan kebersihan terjaga untuk kegunaan orang ramai."

Unit tersebut juga berusaha untuk menanam pokok-pokok berbunga dan banyak lagi program akan dilakukan untuk menyedarkan masyarakat tentang pentingnya menjaga kebersihan secara bersama di taman rekreasi," katanya.

Menurutnya, isu sampah tidak

MAKLUM BALAS



ZAINAL HUSIN

boleh diselesaikan dengan sekadar mengenaikan denda terhadap pesalah, namun percaya pendidikan awal merupakan jalan penyelesaian paling efektif.

"Ini semua berkaitan dengan mentiliteri masyarakat kerana walaupun banyak tong sampah yang disediakan, masih ada yang bersikap sambil lewa dan tidak memanfaatkan kemudahan disediakan."

"Lihat sahaja di Jepun dan Taiwan, masyarakat di negara berkenaan menjaga kebersihan secara bersama," katanya.

Bebau memberitahu, pesalah yang didapati membuang sampah boleh dikompam sehingga RM100, tetapi strategi MBMB kini adalah lebih kepada pendekatan menasihati supaya masyarakat sedar secara sendiri berhubung kepentingan menjaga kebersihan di taman rekreasi.

Hargai kemudahan di taman awam

KUALA LUMPUR 9 Jan. - Orang ramai dinasihatkan agar menghargai setiap kemudahan yang disediakan di Taman Rekreasi Pudu Ulu serta menjaga kebersihan taman tersebut.

Pengerusi Persatuan Sahabat Taman Pudu Ulu, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, baru-baru ini berlaku beberapa kes yang mana anak-anak membuang air besar di dalam kolam mandi.

Beliau berkata, perkara tersebut menyebabkan pengurusan taman terpaksa mengambil masa hampir seminggu untuk membersihkan kolam sekali gus ditutup kepada orang ramai.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membelanjakan

jutaan ringgit untuk mewujudkan taman rekreasi namun, sangat terkilan apabila ada pihak yang tidak bertanggungjawab merosakkan harta benda di kawasan tersebut.

"Sepatutnya pengunjung menghargai kemudahan yang disediakan serta menjadi mata dan telinga kepada DBKL dengan melaporkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Tambah Lam Thye, pihaknya turut mengalu-alukan cadangan DBKL untuk menambah kemudahan di taman itu bagi menampung kehadiran pengunjung yang semakin meningkat.

"Bagaimanapun, itu baa-

rus mengawasi dan memantau segala pergerakan anak-anak supaya kes yang sama tidak berulang.

"Kita perlu menjaga taman rekreasi ini dengan baik kerana ia menjadi tempat untuk melalukan senaman, riadah dan aktiviti kemasyarakatan yang lain," katanya.

Pada 10 April tahun lalu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor merasmikan Taman Pudu Ulu Fasa 2 yang siap sepenuhnya dan dibuka kepada orang awam.

Reka bentuk pembangunan di kawasan tersebut adalah bercirikan konsep taman metropolitan, mesra pengguna, penghijauan taman, pendidikan taman serta rekreasi air.



TAMAN Pudu Ulu, Cheras, Kuala Lumpur, menawarkan pelbagai kemudahan termasuk kolam renang untuk kanak-kanak.



TAMAN PUDU ULU